

*Akademika* 86(2), Oktober 2016:87-98

<http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-07>

## Transitiviti dalam Bahasa Mendriq

### Transitivity in Mendriq Language

FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN & KHAIRUL FAIZ ALIM

#### ABSTRAK

*Malaysia kaya dengan 19 bahasa Moribun yang dituturkan oleh kaum minoriti di Malaysia yang dikenali sebagai Orang Asli. Salah satu daripada bahasa Moribun yang diambang kepupusan ialah bahasa Mendriq. Bahasa Mendriq merupakan bahasa yang digunakan oleh kaum orang asli Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Bahasa ini dituturkan oleh 245 orang di sekitar tiga buah kampung, iaitu di kampung Kuala Lah, kampung Baru dan kampung Kuala Stail. Kertas kerja ini akan menganalisis frasa kerja transitif dan tak transitif dalam bahasa Mendriq. Data primari bahasa Mendriq diperolehi melalui kajian lapangan yang telah dibiayai oleh dana penyelidikan UKM-GUP-PLW-08-11-047. Data yang dikutip untuk kajian ini melibatkan metodologi lapangan yang menggunakan teknik temu bual. Kerencaman data yang dikutip melalui kerja lapangan telah dibersihkan dan diasingkan dengan bantuan seorang penutur natif Mendriq yang bertindak sebagai penterjemah. Analisis ke atas frasa kerja melibatkan analisis deskriptif dan analisis teoritikal. Analisis deskriptif ke atas ayat mudah mendapati bahawa bahasa Mendriq mempunyai dua jenis frasa kerja, iaitu frasa kerja transitif dan tak transitif. Kata kerja transitif menandakan dua argumen, iaitu argumen dalam dan argumen luaran. Kata kerja tak transitif pula dibahagikan kepada dua, iaitu kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif. Kata kerja tak transitif yang menandakan argumen luaran dikenali sebagai kata kerja tak ergatif, manakala kata kerja tak transitif yang hanya menandakan argumen dalaman dikenali sebagai kata kerja tak akusatif. Manakala analisis teoritikal menggunakan kerangka Minimalist menunjukkan bahawa pemyemakan fitur berlaku di sebelah kiri struktur sintaksis ayat mudah bahasa Mendriq.*

*Kata kunci: Bahasa Mendriq; program Minimalis; kerjaan; transitif; intransitif*

#### ABSTRACT

*Malaysia is rich with 19 moribund languages spoken by minority people in Malaysia, who are known as Orang Asli. One of these moribund languages that is on the verge of extinction is the Mendriq language. Mendriq is a language which is spoken by Orang Asli Mendriq in Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. It is spoken by 245 people in three villages namely kampung Kuala Lah, Kampung Baru and Kampung Kuala Stail. This paper analyzes transitive and intransitive verb phrases in Mendriq. Primary data of Mendriq is obtained through fieldwork that was funded by a research grant UKM-GUP-PLW-08-11-047. The data that was collected involved field work which utilized interview techniques. The composition of the data collected through the field work was sorted out with the help of a Mendriq translator. The analysis on the verb phrases involved descriptive and theoretical analyses. The descriptive analysis on its simple sentences indicates Mendriq has transitive and intransitive verbs. Transitive verbs indicate two arguments namely internal and external arguments. Intransitive verbs on the other hand, are divided into two types which are unaccusative and unergative verbs. Intransitive verb which implies external argument is known as an unergative verb, while intransitive verb that only indicates internal argument is known as an unaccusative verb. While, the theoretical analysis using the Minimalist framework displays that the features checking involves the left periphery of the syntactic structure in Mendriq simple sentences.*

*Keyword: Mendriq language; Minimalist program; verbs; transitive; intransitive*

## PENGENALAN

Orang Asli di Malaysia merupakan masyarakat pertama yang menduduki bumi Semenanjung Malaysia lebih kurang 100 ribu tahun yang sudah. Mereka menuturkan bahasa yang dikelompokkan di bawah kelompok bahasa-bahasa Austroasiatik (Fazal Mohamed & Mohd Romzi, 2015). Bahasa Orang Asli ini dibahagikan kepada tiga, iaitu “bahasa orang-orang Negrito, bahasa Orang-orang Senoi dan bahasa orang-orang Melayu Asli (Nik Safiah & Ton 1977). Setiap bahasa itu dinamakan berpandukan kaum orang Asli itu. Menurut Fazal Mohamed dan Mohd Romzi (2015), bahasa Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 19 bahasa. Namun kertas kerja ini hanya berminat dengan satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Mendriq. Mendriq merupakan salah satu daripada kaum Negrito.

Bahasa Mendriq merupakan bahasa yang digunakan oleh kaum orang asli Mendriq di Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Kaum orang asli Mendriq berasal dari suku kaum Negrito, iaitu satu daripada tiga kumpulan kaum yang terdapat di Semenanjung Malaysia (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2006). Seramai 245 orang yang menuturkan bahasa ini yang mendiami tiga kampung, iaitu kampung Kuala Lah, kampung Baru dan kampung Kuala Stail (Fazal Mohamed & Khairul Faiz 2013, 2014; Harishon et al. 2012). Masyarakat ini merupakan salah sebuah masyarakat minoriti yang banyak turut mendapat bantuan kerajaan sehingga kualiti hidup mereka dianggap memuaskan (Mohd Fauzi & Nor Aini 2012).

Data primer bahasa Mendriq diperoleh melalui kajian lapangan yang telah dibiayai oleh dana penyelidikan UKM-GUP-PLW-08-11-047. Kajian lapangan ini dilakukan selama 6 bulan di mana penulis turun sendiri ke lapangan bagi mengutip data lapangan. Teknik pertanyaan secara langsung dan rakaman dipraktikkan dan seterusnya data rakaman berkenaan ditranskripsikan untuk dianalisis.

Kertas kerja ini akan menganalisis frasa kerja transitif dan tak transitif yang terdapat dalam bahasa Mendriq. Data yang digunakan dalam kertas kerja ini merupakan data primer yang dikutip daripada penutur natif bahasa Mendriq. Kerencaman data yang dikutip melalui kerja lapangan telah dibersihkan dan diasingkan untuk menepati skop kertas kerja ini. Data yang telah dibersihkan dianalisis secara deskriptif untuk melihat elemen yang terdapat dalam frasa kerja.

Seterusnya data berkenaan dianalisis secara sintaksis dengan menggunakan kerangka Program Minimalis yang merupakan satu pendekatan baru yang diperkenalkan oleh Chomsky (1995) dalam menganalisis struktur binaan ayat.

## METODOLOGI KAJIAN

Analisis deskriptif ini dilakukan menurut perspektif analisis kualitatif. Bagi menjayakan kajian ini, jenis kajian yang dilakukan adalah berdasarkan kajian lapangan. Kajian lapangan ini dilakukan selama enam bulan dengan kebenaran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Teknik yang digunakan ialah teknik temu bual. Seramai dua orang Asli lelaki telah dikenal pasti untuk tujuan mengumpul data. Seorang berumur 65 tahun, manakala seorang lagi berumur 75 tahun. Kajian ini menggunakan klasifikasi yang diberikan oleh Chambers dan Trudgill (1990) dalam memilih informan. Informan dipilih dengan menggunakan pendekatan NORMs, iaitu akronim bagi ‘*Non-mobile*’, ‘*Old*’, ‘*Rural*’ dan ‘*Male*’. Hal ini bererti seorang informan yang terbaik ialah informan yang memenuhi kriteria tidak pernah meninggalkan kawasannya, berumur lanjut atau tua, tinggal di kawasan desa dan berjantina lelaki.

Teknik pengumpulan data melibatkan teknik perbualan secara tidak langsung dan perbualan tersebut telah pun dirakamkan. Kedua-dua orang Asli tersebut ditemu bual secara berasingan. Teknik temu bual ini melibatkan soal jawab. Kedua-dua informan tersebut diminta untuk bercerita mengenai zaman muda mereka, cara memburu binatang di dalam hutan, cara bercucuk tanam, cara mereka beribadat pada zaman muda dan tua, aktiviti seharian dalam kehidupan mereka, keadaan tempat tinggal mereka sekarang dan dahulu, pendapat mereka mengenai kehidupan sebelum merdeka dan selepas merdeka, harapan mereka untuk maju dan pandangan mereka mengenai pendidikan. Apa yang pasti, kesemua soalan ini dijawab dalam bahasa Mendriq dan segala perbualan tersebut dirakamkan dengan menggunakan perakam digital berjenama *Sony*.

Rakaman tersebut kemudiannya diterjemahkan oleh penterjemah. Penterjemah ini adalah seorang lelaki yang berusia 65 tahun. Beliau adalah seorang penutur natif Mendriq. Beliau juga seorang pesara polis di Daerah Gua Musang. Ketika rakaman dilakukan penterjemah turut berada bersama

penyelidik pada setiap masa. Setiap perbualan yang dirakamkan sebelum ini telah pun diterjemahkan dan segala percakapan yang kabur telah dirujuk semula kepada kedua-dua informan tersebut oleh penterjemah dengan kehadiran pengkaji pada masa yang sama.

#### FRASA KERJA

Menurut Kamus Dewan (2007:417), frasa kerja merupakan kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa. Kata kerja pula merupakan golongan kata yang amat penting dalam binaan frasa kerja dalam sesuatu ayat yang secara lazimnya kata kerja menjadi salah satu unsur dalam konstituen predikat (Nathesan 1995: 426). Md Isa (1993: 37) turut menyatakan bahawa kata kerja merupakan perkataan yang menjadi kepala dalam frasa kerja. Kepala yang dimaksudkan adalah unsur (perkataan) yang wajib hadir dalam frasa berkenaan. Perkataan lain yang hadir dalam frasa berkenaan hanyalah bertugas sebagai pelengkap dan keterangan sahaja.

Setiap frasa kerja mempunyai pasangan yang dominan (Aarts dan Aarts 1982). Tambahan lagi, frasa kerja akan mengandungi beberapa ciri dan ciri berkenaan tidak terdapat dalam jenis frasa yang lain. Misalnya, frasa kerja dalam bahasa Inggeris mengandungi ciri seperti aspek dan kala. Frasa kerja bahasa Inggeris boleh menandakan dua aspek seperti aspek perfektif dan aspek progresif. Penanda bagi aspek perfektif ialah kata bantu *have* dan akan menambah imbuhan *-ed* kepada kata kerja yang mengikutinya. Penanda bagi aspek progresif pula ialah kata bantu *be* atau imbuhan *-ing* dalam kata kerja. Kala pula dikesan melalui perubahan kata dasar yang akan menyatakan dua jenis kala, iaitu kala kini dan kala lepas seperti *writes* (kala kini) dan *wrote* (kala lepas).

Selain itu, kata kerja yang menjadi unsur utama turut diklasifikasikan untuk menentukan objek. Misalnya dalam bahasa Melayu, Arbak (1985: 146) telah membahagikan kata kerja kepada empat jenis, iaitu kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif, kata kerja pasif dan kata kerja pencukup. Asraf (1998) pula membahagikan kata kerja bahasa Melayu kepada tiga jenis, iaitu kata kerja intransitif, kata kerja transitif dan kata kerja pasif.

Menurut Asmah (1993:100), kata kerja transitif boleh dibahagikan kepada kata kerja ekatransitif dan dwitransitif. Bagi Asmah, kata kerja transitif

merupakan kata kerja yang boleh diikuti oleh objek seperti:

- a) Dia *menulis surat*.  
KK objek
- b) Dia *membaca buku*.  
KK objek

Kata kerja ekatransitif pula kata kerja yang mempunyai satu objek sahaja, baik objek kata, objek frasa atau objek klausa. Contoh yang diberikan seperti berikut yang mana contoh (c) menunjukkan objek yang mengikuti kata kerja merupakan objek kata manakala contoh (d) objek klausa atau frasa yang mengikuti kata kerja.

- c) Dia *berjalan kaki*.  
KK objek
- d) Kami yakin *dia akan berjaya*.  
KK objek klausa

Kata kerja dwitransitif pula merupakan kata kerja yang boleh mengambil dua objek. Kedua-dua objek berkenaan boleh terdiri dari objek frasa, atau satunya objek frasa dan yang satu lagi objek klausa. Contohnya :

- a) Dia *memberi saya buku itu*.  
(a) (b)
- b) Dia memberitahu saya bahawa dia tidak setuju.  
(a) (b)

Objek yang terdapat dalam ayat ditandai dengan tanda (a) dan (b) yang menunjukkan ayat berkenaan merupakan dwitransitif. Dalam contoh (e), kedua-dua objek merupakan objek frasa dan objek dalam contoh (f) pula merupakan objek frasa dan objek klausa.

Selain itu, Perlmutter (1978) telah memperkenalkan Hipotesis tak Akusatif (*Unaccusative Hypothesis*) yang menyatakan bahawa kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif berbeza dari segi kedudukan sintaksis argumen tunggalnya. Argumen kata kerja tak ergatif, merupakan argumen luaran (*external argument*), manakala argumen kata kerja tak akusatif (*unaccusative*) merupakan argumen dalaman (*internal argument*). Kata kerja ini terangkum dalam kata kerja intransitif.

Menurut Asraf (1998) kata kerja intransitif merupakan kata kerja yang tidak memerlukan adanya frasa nama sebagai objek. Namun, terdapat sebilangan yang memerlukan pelengkap, bukan objek dalam binaan ayat tertentu. Contohnya:

- e) Orang yang mengamuk itu *bersenjatakan sebilah parang*
- f) Kami berjalan kaki *setiap pagi*.

Dalam contoh (g), *mengamuk* merupakan kata kerja yang tidak memerlukan objek mengikuti selepasnya. Justeru frasa yang disendengkan merupakan pelengkap bagi ayat dalam contoh (g). Seterusnya dalam contoh (h) pula, frasa yang disendengkan, iaitu *setiap pagi* merupakan pelengkap bagi ayat berkenaan.

Dalam bahasa Inggeris, Levin dan Malka (1994) menyatakan bahawa banyak kata kerja tak akusatif silih ganti dengan sebuah binaan transitif di mana kata kerja tak akusatif muncul dalam kedudukan objek langsung. Contohnya:

- i) The sun *melted the ice*.  
"Matahari telah mencairkan ais"
- j) The golf ball *broke the window*.  
"Bola golf memecahkan tingkap."

Selain itu, kata kerja tak akusatif berpartisipel lampau (past participle) boleh digunakan sebagai penerang nominal dengan makna aktif, manakala kata kerja tak ergatif berpartisipel lampau (past participle) tidak boleh sebagai penerang nominal dengan makna aktif. Contohnya:

- k) Tak akusatif: the *melted* snow, the *departed* guests, the *fallen* soldiers
- l) Tak ergatif: \*the *shouted* victim, \*the *slept* child, \*the *hesitated* leader

Contoh berkenaan menunjukkan kata kerja tak ergatif "*shouted, slept, hesitated*" cuba disesuaikan agar menjadi penerang nominal dengan makna aktif telah menghasilkan predikat yang tak gramatis.

Dapatlah disimpulkan bahawa kata kerja merupakan unsur utama dalam frasa kerja. Kata kerja ini juga mempunyai pasangan yang dominan, iaitu boleh memilih objeknya dan juga mengandungi ciri-ciri tertentu yang dapat memberikan tafsiran semantik dalam binaan sintaksis berkenaan. Dari segi pemilihan objek, kata kerja berkenaan diklasifikasikan kepada dua, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

#### KERANGKA PROGRAM MINIMALIS

Secara umumnya, ahli linguistik generatif berpendapat bahawa sesuatu ayat merupakan komputasi yang menghasilkan satu derivasi atau

terbitan yang bermula dengan satu gambaran struktur yang abstrak sifatnya seperti yang dinyatakan oleh Boskovic & Lasnik (2007: 1).

"[a] result of a computation producing a derivation, beginning with an abstract structural representation sequentially altered by structure-dependent transformation"

Tambahan lagi, derivasi yang berlaku dalam kognisi ini perlu diperjelaskan secara teoritikal bagi memahami fenomena yang terjadi. Justeru itu, analisis dalam kajian ini akan menggunakan pendekatan atau teori versi yang terbaru dalam teori Generatif, yang dipanggil Program Minimalis (ditulis PM selepas ini).


Noam Chomsky pada tahun 1995 telah memperkenalkan Program Minimalis yang menunjukkan satu perubahan besar dalam teori transformasi. Mengikut Chomsky (1995), Program Minimalis merupakan satu model Tatabahasa Sejagat yang diandaikan telah dimiliki oleh manusia sejak lahiriah lagi dalam fakulti bahasanya. Program Minimalis juga dipercayai dapat menghuraikan lebih minimal dan berpada berikutan perubahan konseptual yang mendasari pendekatan berkenaan. Program ini juga cuba untuk memasukkan kewajaran konsepsi seperti kesederhanaan, ekonomi, simetri, dan ketidaklewahan.

Perubahan konseptual adalah seperti berikut:

- a) Perubahan konseptual berlaku bersebab dan tidak sewenangnyanya.
- b) Kegramatisan bergantung kepada perbandingan antara derivasi dan bukan kepada derivasi tersebut secara bersendirian.
- c) Prinsip diaplikasi melalui antarmuka bentuk fonetik (BF) dan bentuk logikal (BL).

Perubahan berkenaan telah membezakan program minimalis daripada Pendekatan Kuasaan dan Tambatan yang antarmukanya terdiri dari struktur-D, Struktur-P, BF dan BL. Program minimalis merupakan huraian bagaimana konstituen daripada leksikon dipilih, digabung dan cara konstituen berkenaan digerakkan dan pergerakan mesti dimotivasikan oleh keperluan yang bersifat ekonomis dalam menghasilkan derivasi yang boleh diinterpretasi oleh antarmuka (BF) dan (BL).

Sesuatu bahasa yang dianggap tabii pasti akan mempunyai dua komponen yang penting, iaitu leksikon yang menyimpan data bahasa (kamus mental), dan satu sistem komputasi (*computational system*) yang sejagat, (Yi-Ting Chen 2008:9). Aras ini boleh diwakili seperti di bawah:



*Leksikon* merupakan aras pertama dalam fakulti bahasa kerana segala himpunan item leksikal yang tidak tertib susunannya bagi sesuatu bahasa diandaikan terkandung di sini. Setiap item leksikal mengandungi maklumat bunyi, makna dan nahu yang diwakili oleh sistem fitur. Sistem fitur bagi maklumat bunyi direpresentasikan oleh fitur bunyi, maklumat makna direpresentasi oleh fitur semantik manakala maklumat sintaksis pula direpresentasikan oleh fitur sintaksis. Setiap leksikal adalah satu senarai yang terdapat dalam sebuah kamus mental yang dipilih untuk menghasilkan ayat. Dalam PM, leksikal dipilih untuk memasuki sesuatu derivasi dan ciri-ciri yang mendasari leksikal berkenaan akan ditentukan bagi membolehkan satu operasi yang dinamakan gabung (*merge*) dapat diterapkan. Penyemakan fitur bagi motivasi yang mendasari sesuatu leksikal perlu dilakukan dan perlu juga dipastikan bahawa penyemakan yang dilakukan adalah betul. Sekiranya fitur tidak disemak dengan betul, maka satu struktur yang tak gramatis akan terhasil dan turut menghasilkan ayat yang tidak tepat.

*Komputasi* merupakan jentera utama bagi menjana derivasi sintaksis sesuatu ayat. Derivasi sesuatu ayat itu dapat digambarkan dengan rajah pohon. Proses penghasilan rajah pohon ini pula berpaksikan kepada teori x-berpalang yang mempunyai beberapa syarat iaitu:

1. Kewujudan setiap frasa mestilah endosentrik
2. Kehadiran tiga aras iaitu FX, X' dan X.
3. Kedudukan kepala (X) adalah satu aras di bawah X- satu palang (X') yang dinaungi terus oleh nodus frasa (FX).

Operasi asas dalam sistem ini ialah Cantum (*merge*). Chomsky (2001) mencadangkan dua jenis cantuman iaitu cantuman luaran dan cantuman dalaman. Cantuman luaran merupakan operasi paling asas dalam pembinaan suatu struktur frasa. Cantuman ini merujuk kepada cantuman dua objek sintaksis yang akan membentuk satu unit sintaksis yang baru.

Sistem Cetusan pula perlu berinteraksi dengan dua sistem antarmuka, iaitu Deria Motor (DM) dan Konsepsi Berniat (KB). Sistem Cetusan akan menjalankan operasi dalam leksikon dan struktur sintaksis yang terhasil akan dihantar kepada komponen antarmuka untuk diinterpretasi secara fonologi dan semantik. Kesemua operasi yang dilakukan mesti menepati prinsip ekonomi di mana tiada elemen yang bertindih, tiada langkah dalam derivasi yang berlebihan, dan tiada penerapan unsur yang tidak penting dalam antarmuka dengan sistem yang lain.

Tahap antaramuka adalah terdiri daripada Bentuk Logik (Bentuk-L) dan Bentuk Fonetik (Bentuk-F). Operasi Cetusan penting kerana fitur yang berinterpretasi secara fonetik sahaja yang dapat diinterpretasi pada Bentuk-F manakala fitur yang berinterpretasi secara semantik sahaja yang dapat diinterpretasi pada Bentuk-L. Maka, setiap derivasi sama ada yang dihasilkan menerusi cantuman luaran atau dalaman, akan disalurkan kepada Bentuk-L dan Bentuk-F supaya setiap fitur dapat diberi interpretasi yang bersesuaian dengan komponen masing-masing selaras dengan Prinsip Interpretasi Penuh (PIP). Untuk mengelakkan sesuatu derivasi itu Terhempas maka derivasi ini dikawal oleh PIP yang memastikan segala fitur pada aras antaramuka tidak mengandungi fitur tak berinterpretasi. PIP ini beroperasi pada Bentuk-L.

#### FRASA KERJA TRANSITIF BAHASA MENDRIQ

Frasa kerja transitif merupakan frasa kerja yang kata kerjanya memerlukan objek. Contoh di bawah merupakan ayat yang mengandungi frasa kerja transitif.

1. Yek **jagak** anak.  
 Saya jaga anak.  
 “Saya menjaga anak.”
2. Yek **luwit** kayuk  
 Saya panjat pokok  
 “Saya memanjat pokok.”

3. Yek **ceb** ikan lok jalak.  
Saya tangkap ikan dengan jala.  
“Saya menangkap ikan dengan jala.”
4. Yem **yetuh** tom dalem kamdek  
Saya masuk air dalam periuk  
“Saya memasukkan air ke dalam periuk.”

Contoh 1 hingga 4 yang dipaparkan mengandungi kata kerja yang memerlukan objek atau pelengkap. Kata kerja *jagak*, *luwit*, *ceb*, dan *yetuh* yang dinyatakan dalam data berkenaan merupakan kata kerja transitif berikutan perkataan yang mengikuti (daripada golongan KN) melengkapkan makna ayat. Sekiranya KN digugurkan, maksud ayat berkenaan tidak lengkap dan menimbulkan persoalan kepada pendengar apabila ayat berkenaan diujarkan. Contohnya seperti berikut:

5. Yek **ceb**\*  
Saya tangkap  
“Saya menangkap”
6. Yek **jagak**\*  
Saya jaga  
“Saya menjaga”
7. Yek **luwit**\*  
Saya panjat  
“Saya memanjat”

Contoh 5 hingga 7 merupakan ayat yang tidak mempunyai unsur pelengkap atau objek. Oleh yang demikian, ayat yang terhasil adalah ayat yang tak gramatis berikutan maklumat yang hendak disampaikan dalam ayat berkenaan tidak lengkap. Hal ini kerana kata kerja yang menjadi unsur kepala frasa dalam ayat berkenaan tidak boleh berdiri sendiri. Dengan kata lain, kata kerja berkenaan memerlukan unsur lain untuk melengkapkan makna ayat. Unsur yang diperlukan adalah kata nama seperti yang dipaparkan dalam contoh 1 hingga 4 di atas.

#### FRASA KERJA TAK TRANSITIF BAHASA MENDRIQ

Frasa kerja tak transitif merupakan frasa kerja yang tidak mempunyai objek. Frasa kerja tak transitif ini boleh dibahagikan kepada dua berdasarkan

peranan kata kerja yang mendasari binaan frasa kerja, iaitu kata kerja tak akusatif atau kata kerja tak ergatif. Maka kata kerja tak transitif hanya akan menandakan sama ada argumen dalaman atau argumen luaran yang dapat dikenal pasti melalui subjek yang hadir dalam frasa. Sekiranya subjek berperanan sebagai agen, kata kerja yang mendasari frasa akan dinamakan sebagai kata kerja tak ergatif. Sekiranya subjek frasa berperanan sebagai tema, penderita, alatan dan sebagainya, kata kerja akan diklasifikasikan sebagai kata kerja tak akusatif atau kata kerja ergatif. Contoh ayat bahasa Mendriq yang mengandungi kata kerja tak transitif adalah seperti berikut.

8. Upik ton ugurungling  
Tin itu bergoyang  
“Tin itu bergoyang.”
9. Gen **kayoh** ba kenteh  
Mereka berenang ke hulu.  
“Mereka berenang ke hulu.”

Kata kerja yang mendasari ayat, iaitu KK *ugurungling* dalam ayat (8) dan KK *kayoh* dalam ayat (9) adalah tergolong dalam kategori kata kerja tak transitif. Hal ini kerana kata kerja berkenaan boleh berdiri sendiri tanpa memerlukan KN untuk melengkapkan makna ayat.

Subjek bagi ayat (8), iaitu KN *Upik* tidak tercalon sebagai subjek agentif berikutan subjek berkenaan tidak boleh mendatangkan lakuan melainkan hanya sebagai pengalami. Oleh itu, subjek dalam ayat (8) merupakan subjek tema yang merupakan argumen dalaman bagi KK yang mendasari ayat (8). Maka KK tak transitif *ugurungling* dalam (8), adalah KK tak akusatif/ergatif yang hanya menandakan peranan teta sebagai tema.

Subjek ayat dalam ayat (9), iaitu KGND *gen* merupakan argumen luaran kata kerja kerana subjek berperanan sebagai agen, iaitu boleh melakukan proses kata kerja *kayoh*. Oleh itu, kata kerja *kayoh* dalam ayat (9) merupakan kata kerja tak ergatif kerana kata kerja berkenaan hanya menandakan argumen luaran untuk memenuhi peranan tetanya. Namun, ayat (9) mengandungi elemen yang mengikuti kata kerja, iaitu *ba kenteh*. Elemen yang mengikuti kata kerja *kayoh* bukanlah objek frasa melainkan hanya sekadar maklumat tambahan yang dikenali dalam bidang sintaksis sebagai adjung (Adger 2003:111 dan Fazal Mohamed, 2010:43).


FRASA KERJA TRANSITIF BAHASA MENDRIQ

Analisis deskriptif telah menunjukkan kata kerja yang menjadi kepala frasa dalam contoh (1-4) merupakan kata kerja transitif berikutan kata kerja berkenaan memerlukan KN untuk mengikuti kata kerja bagi melengkapkan makna ayat. Namun dalam perspektif sintaksis, kata kerja transitif akan memerlukan dua argumen, iaitu argumen luaran dan argumen dalaman yang akan dipenuhi oleh elemen namaan. Analisis sintaksis akan menggunakan contoh (3) dan ditulis semula sebagai contoh (10) seperti berikut.

- 10. Yek [ceb ikan lok jalak].  
 Saya tangkap ikan dengan jala.  
 “ Saya menangkap ikan dengan jala.”

KK *ceb* dalam contoh (10) merupakan KK transitif (KKTrans) yang memerlukan dua argumen untuk menandakan peranan tetanya. KGND *yek* dalam contoh (10) membawa peranan agen manakala KN *ikan* membawa peranan tema. KGND *yek* yang berperanan sebagai agen akan menduduki posisi spesifiker manakala KN *ikan* yang berperanan sebagai tema akan menduduki posisi komplemen. Hal ini dapat dijelaskan melalui struktur sintaksis ayat (10) seperti dalam Rajah 1.


KKTrans *ceb* akan bergabung dengan KN *ikan* dan mencipta gabungan yang gramatis apabila fitur berinterpretasi [N] dalam KN *ikan* memenuhi fitur tak berinterpretasi [uN] dalam KKTrans *ceb* serta dapat disemak dalam binaan nodus akar. Elemen *lok jalak* merupakan maklumat tambahan dalam frasa kerja. Kedudukan elemen *lok jalak* yang merupakan frasa preposisi akan berada di luar FK, iaitu sebagai adjung yang bersifat opsyenal.



RAJAH 1. Binaan Struktur FK

KKTrans *ceb* seterusnya digerakkan ke posisi k (disebut k kecil) untuk menyemak kasus. Fitur tak berinterpretasi yang mendasari KKTrans *ceb* seterusnya diprojeksikan ke posisi k' (disebut sebagai k tanda) untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi disemak dan dipadankan dalam rajah pohon 1. Nodus k tanda merupakan nodus yang terhasil melalui gabungan k kecil dengan FK. KGND *yek* seterusnya dipilih dan digabungkan dengan k tanda untuk membentuk Fk. Fitur berinterpretasi [N] dalam KGND *yek* telah memenuhi fitur tak berinterpretasi [uN] dan membolehkan fitur tak berinterpretasi disemak dan dipadankan.

Binaan struktur Fk yang terhasil dalam rajah 1 masih mempunyai fitur tak berinterpretasi [uInfl: ] yang tidak berjaya disemak. Oleh itu, bahasa Mendriq turut diandaikan mempunyai maksud kala yang menyatakan latar masa sesuatu kerjaan itu dilakukan untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi berkenaan disemak dan dipadankan dari rajah pohon. Justeru, struktur yang terhasil adalah seperti Rajah 2 di mana struktur yang terhasil dikepalai oleh Fk<sub>kala</sub> (frasa kala).




RAJAH 2. Binaan Fk<sub>kala</sub>

Rajah 2 menunjukkan binaan frasa kerja yang telah ditambah daripada Rajah (1). Telah berlaku proses keserasian untuk menyemak fitur tak berinterpretasi [*uInfl*: ] di mana kala [kini] yang memerintah-k [*uINFL*: ] akan menilainya dengan fitur [kini] untuk menghasilkan [*uINFL*: kini]. Penilaian fitur membolehkan fitur tak berinterpretasi [*uINFL*: ] disemak menjadi [*uINFL*: kini]. Bahasa Mendriq mempunyai fitur EPP (*Extended Projection Principle*) [*uN\**] yang kuat dalam kala. Oleh itu, *yek* dalam Fk digerakkan untuk memenuhi fitur EPP dan membentuk bekas <*yek*> di posisi asal serta bergabung dengan kala' untuk membentuk Fkala . Fitur berinterpretasi [N] bersesuaian dengan fitur EPP [*uN\**] membolehkan fitur EPP [*uN\**] disemak dan dipadamkan. KN *yek* juga bergerak untuk penandaan kasusnya.

Oleh yang demikian, struktur yang terhasil dalam rajah 2 merupakan struktur frasa kerja transitif berikutan tiada fitur yang perlu diprojsikan untuk membentuk nodus yang baru. Selain itu, struktur berkenaan dianggap gramatis kerana telah menepati kekangan Interpretasi Penuh (IP) yang telah menetapkan bahawa rumus perantaraan semantik yang beraplikasi dalam rajah pohon, iaitu fitur tak berinterpretasi perlu dipadamkan dalam rajah pohon selepas cetusan.

Selain dapat menjelaskan binaan struktur frasa yang gramatis, prinsip-prinsip PM turut dapat diaplikasi dalam menjelaskan ketidakgramatisan sesuatu frasa. Oleh itu, ayat yang tak gramatis dalam contoh (5) yang ditulis semula sebagai contoh (11) dapat dijelaskan seperti berikut.

- 11. *Yek ceb\**  
saya tangkap  
“Saya menangkap”



RAJAH 3. Struktur frasa tak gramatis

Kata kerja *ceb* dalam Contoh (11) merupakan kata kerja transitif. Oleh itu, kata kerja *ceb* memerlukan dua argumen untuk menandakan peranan tetanya, iaitu argumen luaran dan argumen dalaman. Kedua-dua argumen akan dihubungkan dengan fitur tak berinterpretasi [*uN*] yang membawa maksud memerlukan namaan sebagai pasangan binari. KKTrans *ceb* dalam binaan rajah pohon mempunyai dua fitur tak berinterpretasi yang perlu dipenuhi oleh elemen namaan dalam senarai perkataan. Elemen namaan dalam contoh (11) adalah KGND *yek* . KGND *yek* berperanan sebagai agen yang hanya memenuhi argumen luaran bagi kata kerja. Justeru, tiada elemen namaan yang akan menduduki posisi komplemen dalam binaan nodus akar yang membentuk FK.

Seterusnya KKTrans *ceb* digerakkan ke posisi k (disebut sebagai k kecil) untuk menyemak kasus. Pergerakan KKTrans *ceb* membawa fitur yang mendasari kata kerja berkenaan. PM menegaskan bahawa sesuatu fitur tak berinterpretasi akan memperoleh nilai dari fitur berinterpretasi yang sepadan. Sekiranya tiada nilai dari fitur yang sepadan, maka fitur yang tidak dapat dinilai akan kekal tidak dinilai dan tidak dapat disemak. Oleh itu, fitur tak berinterpretasi yang mendasari KKTrans *ceb* seterusnya diprojsikan ke posisi k' (disebut sebagai k tanda) untuk membolehkan fitur tak berinterpretasi disemak dan dipadamkan dalam rajah pohon.

Nodus k tanda merupakan nodus yang terhasil melalui gabungan k kecil dengan FK. KGND *yek* seterusnya dipilih dan digabungkan dengan k tanda untuk membentuk Fk. Fitur berinterpretasi [N] dalam KGND *yek* telah memenuhi fitur tak berinterpretasi [*uN*] dan membolehkan fitur tak berinterpretasi disemak dan dipadamkan. Justeru, binaan struktur rajah pohon yang terhasil adalah struktur yang tak gramatis kerana masih terdapat fitur tak berinterpretasi [*uN*] yang tak dapat disemak dalam rajah pohon. Ketidakgramatisan rajah pohon berkenaan adalah disebabkan tidak menepati kekangan Interpretasi Penuh (IP).

FRASA KERJA TAK TRANSITIF BAHASA MENDRIQ

Kata kerja tak transitif hanya akan menandakan sama ada argumen dalaman atau argumen luaran yang dapat dikenal pasti melalui subjek yang hadir dalam frasa. Sekiranya subjek berperanan sebagai agen, kata kerja yang mendasari frasa akan dinamakan sebagai kata kerja tak ergatif.




Sekiranya subjek frasa berperanan sebagai tema penderita, alatan dan sebagainya, kata kerja akan diklasifikasikan sebagai kata kerja tak akusatif atau kata kerja ergatif.

Subjek bagi ayat (8) yang ditulis semula sebagai ayat (12), iaitu KN *Upik* tidak tercalon sebagai subjek agen berikutan subjek berkenaan

tidak boleh mendatangkan lakuan melainkan hanya sebagai pengalami. Oleh itu, rajah pohon yang terhasil adalah seperti dalam rajah (4):

12. *Upik ton ugurungling*  
*Tin itu bergoyang*  
 ”Tin itu bergoyang.”



RAJAH 4. Pergabungan FD dan KK

Rajah 4 menunjukkan FD *upik ton* digabungkan dengan KK *ugurungling* untuk memenuhi argumen dalaman kata kerja dan membentuk FK. Sebagai KK tak akusatif, KK *ugurungling* mempunyai fitur pemilihan-k [*uN*] yang memerlukan elemen namaan menduduki posisi komplement. Struktur FD merupakan hasil projeksi N yang didominasi oleh projeksi fungsian. Oleh itu, FD mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang bersesuaian dengan fitur pemilihan-k [*uN*] dalam KK *ugurungling*. Operasi semak dapat dilakukan terhadap fitur pemilihan-k [*uN*] serta menghasilkan elemen yang bergabung secara gramatis.

Struktur binari yang dikepalai oleh FK seterusnya digabungkan dengan k untuk memenuhi projeksi tatatingkat yang menghasilkan Fk. K membentuk struktur cantuman apabila diletuskan menjadi dua yang diisi oleh KK *ugurungling* dan fitur tak berinterpretasi [*uInfl:* ]. Pengisian KK *ugurungling* adalah hasil gerakan dari posisi asal yang meninggalkan bekas <*ugurungling*> seperti dalam rajah (4). Selain itu, gabungan ini membentuk struktur yang berlainan dengan struktur yang dihasilkan oleh KK transitif berikutan KK yang mendasari ayat merupakan KK tak transitif

yang hanya memerlukan satu argumen, iaitu argumen dalaman. Justeru, gabungan k dan FK tidak membentuk k' kerana KK *ugurungling* tidak memerlukan argumen luaran.

Seterusnya, Kala dan Fk digabungkan membentuk kala'. Kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dan fitur EPP [*uN\**] yang tidak berinterpretasi. Berikutan kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini], berlaku penyemakan fitur di bawah proses keserasian di antara fitur berinterpretasi [kini] yang menilai fitur tak berinterpretasi [*uInfl:* ] menjadi [*uInfl: kini*]. Penilaian membolehkan fitur tak berinterpretasi [*uInfl:* ] disemak dan dipadamkan dalam rajah pohon (4).

Fitur EPP [*uN\**] yang tidak dapat disemak diprojeksikan ke posisi kala'. Fitur EPP merupakan fitur yang kuat dalam kala yang membolehkan elemen namaan yang berhampiran digerakkan untuk mengisi spek Fkala dan menjadi subjek ayat. Justeru, elemen namaan yang relevan untuk digerakkan dalam derivasi ini adalah FD *upik ton*. Oleh itu, FD *upik ton* digerakkan dari posisi komplement ke spek Fkala untuk menyemak fitur EPP [*uN\**] yang diprojeksikan dari kala


ke kala'. FD mempunyai fitur kategori leksikal [N] dan bersesuaian dengan fitur EPP [*uN\**] yang membolehkan fitur [*uN\**] disemak dan dipadamkan.

Dapat dijelaskan melalui analisis rajah pohon, KK tak akusatif *ugurungling* hanya memerlukan satu argumen untuk memenuhi peranan teta yang dihubungkan dengan fitur pemilihan-k [*uN*]. Argumen yang diperlukan adalah argumen dalaman yang telah menempatkan *upik ton* di posisi komplemen dan menjadi objek frasa. Berikutan kehadiran fitur EPP yang kuat [*uN\**] dalam kala, *upik ton* digerakkan dari posisi komplemen ke spek

Fkala untuk memenuhi keperluan fitur EPP yang mewajibkan setiap ayat perlu mengandungi subjek.

Subjek ayat dalam ayat (9) ditulis semula sebagai ayat (13), iaitu KGND *gen* merupakan argumen luaran manakala elemen yang mengikuti kata kerja, iaitu *ba kenteh* merupakan maklumat tambahan yang menduduki posisi adjung. Oleh itu binaan rajah pohon yang terhasil bagi ayat (13) adalah seperti dalam rajah 5:

13. Gen **kayoh** ba kenteh  
Mereka berenang ke hulu.  
“Mereka berenang ke hulu.”



RAJAH 5. Binaan Rajah Pohon Ayat (13)

KK *kayoh* yang mendasari ayat (13) hanya memerlukan argumen luaran. Dalam binaan sintaksis, argumen luaran sebagai peranan teta agen akan mengisi spesifiker Fk manakala argumen dalaman (tema) akan mengisi atau menduduki posisi komplemen FK. Berikutan KK tak ergatif hanya menandakan argumen luaran, maka nodus akar bagi KK tak ergatif tidak mengandungi komplemen. Oleh itu KK *kayoh* dalam analisis ini akan bercantum dengan *ba kenteh* yang membentuk adjung dalam FK.

Sebelum cantuman, elemen *ba* dan *kenteh* dipilih serta digabungkan untuk membentuk FP seterusnya dicantumkan dengan FK *kayoh* membentuk FK. Cantuman ini telah menjadikan FP sebagai adjung. FK seterusnya digabungkan dengan k untuk memenuhi projeksi tatatingkat yang menghasilkan k'. K membentuk struktur

cantuman apabila diletuskan menjadi dua yang diisi oleh KK *kayoh* dan fitur tak berinterpretasi [Infl: ]. Pengisian KK *kayoh* adalah hasil gerakan KK *kayoh* dari kedudukan FK seperti yang ditunjukkan oleh anak panah gerakan dan membentuk bekas <*kayoh*> di kedudukan asal.

Fitur pemilihan-k dalam k diprojeksikan ke k' untuk membolehkan fitur berkenaan disemak dengan fitur yang sepadan. KN *gen* dipilih dan digabungkan dengan k' untuk membentuk Fk. KN *gen* mempunyai fitur berinterpretasi [N] yang bersesuaian dengan fitur pemilihan-k [*uN*] dalam k'. Oleh itu, fitur berinterpretasi [N] telah menyemak dan memadamkan fitur pemilihan-k [*uN*]. Seterusnya kala digabungkan dengan Fk yang membentuk kala'. Kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dan fitur EPP [*uN\**] yang tak berinterpretasi.

Fitur berinterpretasi [kini] akan menilai fitur tak berinterpretasi [*uInfl*: ] menggunakan operasi yang dinamakan sebagai keserasian. Penilaian membentuk [*uInfl*: kini] dan apabila fitur berjaya diberikan nilai, fitur tak berinterpretasi [*uInfl*: ] akan disemak menjadi [*uInfl*: kini]. Seterusnya, fitur EPP [*uN*\*] yang tidak dapat disemak diprojeksikan ke kala'. Fitur ini memberikan kekuatan kepada namaan untuk digerakkan menduduki spek Fk<sub>ala</sub>. Justeru, KGND *gen* merupakan elemen namaan yang relevan untuk digerakkan ke spek Fk<sub>ala</sub> dan menjadi subjek ayat. Oleh itu, KGND *gen* digerakkan untuk mengisi spek Fk<sub>ala</sub> seperti yang ditunjukkan oleh anak panah gerakan. KGND *gen* mempunyai fitur kategori yang berinterpretasi [N]. Fitur berinterpretasi [N] telah menyemak dan memadamkan fitur EPP [*uN*\*] menjadi [*uN*\*].

KK *kayoh* dalam analisis ini hanya memerlukan argumen luaran yang bertemakan agen. Oleh itu, dalam pembinaan nodus akar, KK *kayoh* tidak digabungkan dengan elemen namaan yang akan membentuk komplemen. Sebaliknya, KK *kayoh* dicantumkan dengan FP *ba kenteh* yang menghasilkan adjung. Selain itu, berlaku pergerakan KGND *gen* berikutan kehadiran Fitur EPP yang memerlukan elemen namaan untuk mengisi spek Fk<sub>ala</sub>. Justeru, pergerakan KGND *gen* telah mengisi keperluan itu dan menghasilkan satu struktur rajah pohon yang gramatis kerana tiada lagi fitur tak berinterpretasi yang perlu disemak dan dipadamkan.

Berikutan kata kerja hanya menandakan argumen luaran sebagai agen. Maka binaan rajah pohon 5 tidak mempunyai unsur komplemen dalam FK. Sebaliknya, sekiranya kata kerja hanya memerlukan argumen dalaman untuk memenuhi peranan teta sebagai tema. Maka kedudukan dalam rajah pohon adalah di posisi komplemen yang dihubungkan oleh fitur pemilihan-k yang mendasari kata kerja tak ergatif. Oleh itu, analisis frasa kerja tak transitif bahasa mendriq ini telah menunjukkan rajah pohon yang terhasil apabila argumen yang diperlukan oleh kata kerja berbeza-beza.

## KESIMPULAN

Berikutan kata kerja transitif memerlukan argumen luaran dan argumen dalaman, gabungan struktur nodus akar akan menjadikan elemen namaan

dalam senarai elemen perkataan menduduki posisi komplemen. Hal ini kerana, argumen luaran sebagai peranan teta agen akan mengisi spesifiker Fk manakala argumen dalaman (tema) akan mengisi atau menduduki posisi komplemen FK. Argumen dalaman dan argumen luaran berkenaan dihubungkan dengan fitur pemilihan-k dalam binaan sintaksis. Fitur pemilihan-k ialah fitur pemilihan kategori yang terdapat dalam leksikal yang akan menentukan kategori leksikal mana yang patut hadir untuk digabungkan dengan leksikal berkenaan.

Frasa kerja tak transitif pula frasa kerja yang tidak mempunyai objek. Namun, frasa kerja tak transitif boleh dibahagikan kepada dua berdasarkan peranan subjek yang hadir dalam frasa. Sekiranya subjek frasa berperanan sebagai tema, kata kerja akan diklasifikasikan sebagai kata kerja tak akusatif atau kata kerja ergatif. Sekiranya subjek berperanan sebagai agen, kata kerja yang mendasari frasa akan dinamakan sebagai kata kerja tak ergatif. Binaan rajah pohon yang terhasil juga adalah berbeza berdasarkan argumen yang ditandai oleh kata kerja tak transitif.

Oleh yang demikian, pendekatan program minimalis yang digunakan dalam menganalisis struktur frasa kerja bahasa Mendriq tampak berjaya dalam merungkai binaan frasa. Proses utama yang digunakan dalam membentuk rajah pohon adalah proses gabung, cantuman, proses semakan dan memberi nilai, proses gerak serta proses keserasian. Ternyata dengan penerapan proses dan prinsip dalam kerangka program minimalis telah berjaya menghuraikan frasa kerja bahasa Mendriq dengan berpada dan seminimal yang mungkin.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh dana penyelidikan UKM-GUP-PLW-08-11-047.

## RUJUKAN

- Aarts, F. & Aarts, J. 1982. *English Syntactic Structures: Functions & Categories in Sentences Analysis*. London: Pergamon Press Ltd.
- Adger, D. 2003. *Core Syntax: A Minimalist Approach*. New York: Oxford University Press.
- Arbak Othman. 1985. *Belajar Tatabahasa dan Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. 1998. Kata kerja dan frasa kerja dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 40(11): 964-977.
- Bošković, Ž. & Lasnik, H. 2007. How strict is the cycle? *Linguistic Inquiry* 30: 691-703.
- Chambers J.K. & Trudgill, P. 1990. *Dialectology*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge, Mass: MIT Press.
- Chomsky, N. 2001. Derivation by phase. In *Ken Hale: A life in language*, edited by Micheal Kenstowicz. 1-52. Cambridge, MA: MIT Press
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2010. Struktur kata kerja transitif + lagi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik* 10: 36-47.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. 2013. The Verb Phrase of Mendriq. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 21(S): 15-26.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. 2014. Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa* 14(2): 169-191.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Mohd Romzi Ramli. 2015. Kata ganti nama dalam bahasa Mendriq. *GEMA Online<sup>®</sup> Journal of Language Studies* 15(3): 67-82.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2012. Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *GEMA Online<sup>™</sup> Journal of Language Studies*. 13(3): 885-901
- Jabatan hal ehwal Orang Asli. 2006. <http://www.jheoa.gov.my>. Tarikh capaian: 5 Januari 2015.
- Kamus Dewan Edisi 4*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levin, B. & Malka, R-H. 1994. *Unaccusativity: At the syntax-semantics interface*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Md. Isa Hassan. 1993. *Frasa Kerja dalam Bahasa Melayu: Masalah Penggunaan Serta Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj Idris. 2012. Kualiti hidup Orang Asli: Pengukuran melalui indeks. *Akademika* 82(1): 65-69.
- Nathesan. S. 1995. Kata kerja transitif dan tak transitif dalam novel satu bicara. *Jurnal Dewan Bahasa* 39(5):426-435.
- Nik Safiah Karim & Ton Ibrahim. 1977. *Laporan penyelidikan bahasa di Ulu Tembeling*. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Perlmutter, D. M. 1978. Impersonal passives and the unaccusative hypothesis. Working paper presented at the Fourth Annual Meeting of the Berkeley Linguistic Society, organized by Berkeley Linguistic Society, 18-28 February. California.
- Yi-Ting Chen. 2008. A minimalist approach to Amis structure and complementation. Ph.D. Dissertation, Arizona State University.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan (corresponding author)  
 Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: fazal@ukm.edu.my
- Khairul Faiz Alimi  
 Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
 Universiti Utara Malaysia  
 06010 UUM Sintok  
 Kedah  
 Malaysia  
 E-mail: kfalimi@uum.edu.my

Received: 29 September 2015

Accepted: 20 April 2016